

Kesan-kesan Merosotnya Islam di Negeri Ini

Di dalam tulisannya yang bernilai ini saudara Muhammad Amal Nazif akan mengupas dengan secara terus-terang soal kesan merosotnya perkembangan agama Islam di tanah air kita selepas zaman merdeka ini. Di samping itu beliau akan menerangkan sebab-sebab yang tepat dan jitu mengapa perkembangan-perkembangan Islam di negara ini kian hari kian merosot?

Bacalah kupasan beliau yang begitu logik mengenai soal tersebut di dalam makalah yang berharga ini – P.

(Oleh: Muhammad Amal Nazif)

Perubahan-perubahan yang Merugikan:

Sebelum merdeka dahulu perkembangan agama Islam di negeri ini adalah lebih pesat dari yang ada sekarang. Tidak ada kerajaan memberi galakan dan sebarang bantuan waktu itu, malah diadakan pula tegahan dan sekatan-sekatan kemajuan perkembangan agama ini oleh pihak penjajahan.

Sekalipun demikian, di mana-mana juga di dalam tanah air kita terdapat tempat-tempat pengajian yang maju pesat yang segala-galanya dibiayai oleh rakyat. Para ulama dan mubaligh-mubaligh Islam bertabligh memberi penerangan ke seluruh pelosok tanah air dengan tidak menerima gaji dari pemerintah atau pejabat-pejabat agama.

Kini hal itu telah bertukar semuanya, tidak ada para mubaligh yang bersedia bertabligh ke sana ke mari memberi penerangan agama. Bukan kerana umat telah mengeti akan agamanya, malah ialah kerana tidak ada jaminan hidup terhadap keluarga dan anak isterinya, tentunya seorang mubaligh sukarela itu tidak bisa menjalankan kerja-kerjanya kalau dia tidak berupaya mengatasi masalah perbelanjaan anak isterinya, tentu para mubaligh tidak sanggup bertabligh dengan saku

yang kosong, tidak sanggup ini bukan kerana tidak beruntung, tetapi kerana tidak dapat dijalankan oleh tidak ada alat penggerakannya. Seorang mubaligh yang tulen bukanlah orang yang mementingkan keperluan diri sendiri semata-mata, jauh lebih itu lagi hasratnya; iaitu menyediakan khidmatnya semata-mata untuk agama Allah yang Maha Kaya.

Para Ulama Tidak Dihormati

Hal ini bertukar semuanya setelah bertukarnya fahaman sebahagian besar umat Islam. Kalau dahulu mereka diajar menghormati ulama-ulama, guru-guru agama dan mubaligh-mubalighnya, tetapi kini telah berlaku sebaliknya. Kalau dahulu mereka diajar supaya berlaku lapang dada, murah hati berkhairat *fi sabīl Allāh*, tetapi sekarang perhatian mereka telah bertukar untuk mencintai harta dan kekayaan.

Tegasnya umat Islam di tanah air hari ini telah terpesong pandangannya untuk merebut kemegahan-kemegahan duniawi semata-mata dengan tidak disedari oleh mereka.

Dari mencintai para guru dan ulama-ulama, umat Islam telah terpesong atau dipesongkan supaya membencinya

dan tidak percaya kepada mereka, oleh golongan-golongan yang tertentu menonjol-nonjolkan keburukan yang dilakukan oleh seorang dua ulama atau guru-guru agama songlap, lalu dengan itu dijadikan modal untuk memburukkan keseluruhan mereka, kepada seluruh umat Islam mereka katakan: “Wahai umat Islam! Beginilah keseluruhan ulama-ulamamu, inilah gambarannya.”

Bukan tidak ada ulama-ulama yang tidak jujur lalu mementingkan diri sendiri, mengumpulkan harta sebanyak-banyaknya untuk menjadi lintah darat di daerah-daerahnya, yang semua ini dilakukan atas nama agama. Bukan tidak ada ulama-ulama yang semata-mata berjuang kerana nafsu perut sahaja, tetapi bilangan mereka ini sangat sedikit. Wujud mereka tidak lama di mata rakyat terbanyak, kerana orang cepat sedar lalu mereka akan tersisih kemudiannya.

Kekeringan Usaha-usaha Tabligh

Tetapi adakah menguntungkan dengan alasan-alasan ini orang menuduh semua para ulama guru-guru dan mubaligh-mubaligh agama yang memberi penerangan ke kampung-kampung itu dianggap dan dituduh sebagai peminta sedekah terhormat? Pada hal

mereka telah menyediakan diri untuk agama dan tanah airnya. Mereka juga adalah manusia biasa yang memerlukan makan pakai bagi diri dan keluarganya, persekolahan anak-anaknya, sedang mereka tidak dibiayai oleh mana-mana pertubuhan, tidak juga oleh jabatan-jabatan agama. Jadi mereka adalah halal menerima pemberian dari masyarakatnya untuk membantu mereka supaya dapat terus menjalankan tabligh. Inilah yang dilupakan oleh umat Islam sekarang sehingga kita dapati di tanah air kita telah kekeringan usaha-usaha tabligh yang amat diperlukan.

Oleh kekeringan ini jabatan agama tiap-tiap negeri terpaksa mengadakan mubaligh-mubalighnya masing-masing, tetapi pengambilan ini amat terbatas oleh terbatasnya kewangan. Demikian juga sekolah-sekolah agama tidak akan berjalan kalau tidak dibantu oleh pejabat-pejabat agama negeri atau *federal*. Sekolah-sekolah ini akan mati kekeringan di tengah-tengah umatnya yang punya tenaga untuk disumbangkan. Guru-gurunya menderita di tengah-tengah para Muslimin yang mewah dan berada. Gambaran ini amat janggal pada pengajaran Islam, gambaran ini suatu dalil kemerosotan jiwa untuk berkorban dikalangan umat Islam tanah air.

Tanggungjawab Bersama:

Perkembangan agama di negeri ini atau di mana-mana juga dalam dunia ini, bukanlah terletak di atas tengkuk ulama, guru-guru dan mubaligh-mubalighnya sahaja, tetapi adalah terletak kepada setiap diri yang mengucap dua kalimah syahadah yang

mengakui dirinya Muslim. Bagi setiap diri mesti mencintai agamanya, menyumbangkan apa yang dapat mereka sumbangkan untuk perjuangan agama Allah di muka bumi ini. Dari petani biasa hingga kepada hartawan-hartawan, dari buruh kasar hingga ke pegawai-pegawai atasan semuanya bertanggungjawab memikul tugas suci agama. Memberi sumbangan setakat terdaya dari apa yang ada pada mereka, moral mahu pun material. Sedang ulama pula harus terus memandu teraju perkembangan itu, berjuang memerangi sebarang hasutan-hasutan yang cuba meresap atau diresapkan ke dalam tubuh badan umat Islam.

Sesungguhnya tidak berlebihan kalau saya katakan bahawa perkembangan agama di Malaysia sekarang ini telah sampai ke peringkat yang membimbangkan. Orang bukan sahaja bimbang kerana angin kegila-gilaan yang terus-menerus menoberok masuk ke tengah-tengah masyarakat, bukan kerana wayang-wayang gambar, televisyen dan bahan-bahan bacaan yang kebanyakannya mengandungi unsur-unsur keruntuhan akhlak, malah lebih bimbang lagi kerana dada anak-anak muda telah dan bakal muncul nanti tidak diisi dengan roh agama. Lebih merbahaya lagi apabila mereka tidak mengerti betul-betul agama yang mereka pusakai dari kedua ibu bapa mereka.

Bukanlah menjadi perkara baru kalau ada anak-anak muda Islam baka yang telah berani mendebat dan mencabar kedua orang tuanya tentang kesucian agama Islam. Bukan setakat itu sahaja, bahkan sudah ada yang merasa bangga dan megah bila mereka berani melepaskan diri dari agama, dengan itu mereka merasakan yang diri mereka sudah

menjadi seorang bijaksana yang radikal dan progresif. Angkatan-angkatan beginilah yang kita tidak kehendaki, tetapi inilah yang akan sampai kalau masih belum ada satu tindakan segera diambil oleh pihak yang berkenaan. Apakah kita mahu melahirkan pemuda-pemuda yang angkuh merasa dirinya progresif dan intelek semata-mata kerana kebodohnya terhadap intisari pengajaran agama Muḥammad Rasulullah (S.A.W). Apakah kita bersedia menanti kelahiran anak-anak kita yang engkar lalu memomok-momokkan hukum-hukum agama yang tidak dapat diterima oleh nafsu manusia yang tidak terbatas?

Seksi-seksi Tabligh Perlu:

Sesungguhnya tidak ada seorang pun mengharapkan keburukan, oleh itu jalan yang patut sekali diambil ialah mengadakan seksi tabligh dalam sebuah badan atau persatuan Islam yang banyak terdapat dalam negeri ini. Suatu kerjasama badan-badan tersebut untuk mengadakan tenaga-tenaga tabligh patut difikirkan untuk jangka panjang. Umat Islam sekarang memerlukan penerangan dan pengajaran agama.

Selain dari itu jiwa berkorban *fi sabil Allāh* hendaklah ditanam semula dikalangan umat Islam, apa lagi memandangkan suasana sekarang di mana peruntukan agama oleh pemerintah umat terbatas dan kalau ada dicurahkan pula untuk tujuan-tujuan yang pasif. Jikalau belunggu yang mengekang tangan umat Islam untuk berkhairat itu tidak dibuka segera kita kluatir di mana agama Islam kelak menjadi asing di negeri ini. Sekianlah *wa bi Allāh al-Tawfīq*.

Sekian.